

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-----------------|
| 1. | MOSTI sasar 15 peratus kadar pengkomersialan produk penyelidikan | Berita Harian |
| 2. | MOSTI sasar 15 peratus kadar pengkomersialan produk hasil penyelidikan | BERNAMA |
| 3. | MOSTI sasar 15 peratus daripada produk hasil penyelidikan | Berita RTM |
| 4. | Tujuh syarikat jalin kerjasama | Utusan Malaysia |
| 5. | Nuklear: Kerajaan belum ada kata putus | Utusan Malaysia |
| 6. | Kemahiran kepakaran DVI kita rujukan forensik dunia | Berita Harian |
| 7. | Rain to bring brief respite today | The Star |

BERITA ONLINE
BERITA HARIAN ONLINE
<http://www.bharian.com.my/node/6370>
TARIKH: 18 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)

RABU, 17 SEPTEMBER 2014 @ 2:05 PM

MOSTI SASAR 15 PERATUS KADAR PENGKOMERSIALAN
PRODUK PENYELIDIKAN

GEORGETOWN: **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** menyasar 15 peratus daripada produk hasil penyelidikan dapat dikomersialkan berbanding lapan hingga 10 peratus sekarang.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata kementerian juga menyasar untuk mengkomersialkan 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam tempoh enam tahun menjelang 2020.

"Kita berharap semua produk penyelidikan yang dihasilkan dapat dijual dalam pasaran dan untuk memastikan perkara itu menjadi kenyataan, kita harus meningkatkan kadar pengkomersialan," katanya selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Bahan Berfungsi dan Metalurgi 2014 di sini hari ini.

Bagi mencapai sasaran itu setiap tahun negara perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D yang berjaya dikomersialkan di pasar raya, kedai serba guna dan premis perniagaan bagi memastikan inovasi yang dihasilkan tidak sia-sia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan memperuntukkan RM3.2 bilion untuk geran pembangunan R&D dan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), peruntukkan sebanyak RM850 juta diluluskan untuk dibelanjakan untuk tujuan sama, katanya.

"Kita tidak ingin kekal sebagai negara dengan identiti 'pengguna teknologi' sebaliknya mahu berubah menjadi negara pengeluar teknologi," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata kementerian akan melancarkan satu saluran televisyen pada tahun depan bagi mengetengahkan usaha kementerian itu dalam bidang inovasi dan sains.

Katanya, sesi ujian saluran itu yang berasaskan sains yang menyamai 'National Geographic Channel' akan dibuat pada November bagi mendapat maklum balas penonton.

"Kami akan melancarkan saluran itu dalam bentuk rancangan dua jam untuk sesi ujian sebelum pelancaran rasminya pada awal tahun depan," katanya. - BERNAMA





MOSTI Sasar 15 Peratus Kadar Pengkomersilan Produk Hasil Penyelidikan

GEORGE TOWN, 17 Sept (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menyasarkan 15 peratus daripada produk hasil penyelidikan dapat dikomersil berbanding lapan hingga 10 peratus sekarang ini.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata kementerian juga menyasar untuk mengkomersilkan 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam tempoh enam tahun menjelang 2020.

"Kita berharap segala produk penyelidikan yang dihasilkan dapat dijual dalam pasaran dan untuk memastikan perkara tersebut menjadi kenyataan, kita harus meningkatkan kadar pengkomersilan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa Bahan Berfungsi dan Metalurgi 2014 di sini, Rabu.

Beliau berkata bagi mencapai sasaran itu setiap tahun negara perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D yang berjaya dikomersilkan di pasar raya, kedai serbaguna dan premis perniagaan bagi memastikan inovasi yang dihasilkan tidak sia-sia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan memperuntukkan RM3.2 bilion untuk geran pembangunan R&D dan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), peruntukan sebanyak RM850 juta telah diluluskan untuk dibelanjakan untuk tujuan sama, katanya.

"Kita tidak ingin kekal sebagai negara dengan identiti 'pengguna teknologi' sebaliknya mahu berubah menjadi negara pengeluar teknologi," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata kementerian akan melancarkan satu saluran televisyen pada tahun depan bagi mengetengahkan usaha-usaha kementerian itu dalam bidang inovasi dan sains.

Katanya, sesi ujian saluran yang berasaskan sains yang menyamai 'National Geographic Channel' ini akan dibuat pada November bagi mendapat maklum balas penonton.

"Kami akan melancarkan saluran itu dalam bentuk rancangan dua jam untuk sesi ujian sebelum pelancaran rasminya pada awal tahun depan," katanya.

-- BERNAMA

BERITA RTM

MOSTI Sasar 15 Peratus Daripada Produk Hasil Penyelidikan

Georgetown - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menyasarkan 15 peratus daripada produk hasil penyelidikan dapat dikomersil berbanding lapan hingga 10 peratus sekarang ini.

Menurut **Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**, kementerian juga menyasar untuk mengkomersilkan 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam tempoh enam tahun menjelang 2020.

"Kita berharap segala produk penyelidikan yang dihasilkan dapat dijual dalam pasaran dan untuk memastikan perkara tersebut menjadi kenyataan, kita harus meningkatkan kadar pengkomersilan," katanya.

Bagi mencapai sasaran itu setiap tahun negara perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D yang berjaya dikomersilkan di pasar raya, kedai serbaguna dan premis perniagaan bagi memastikan inovasi yang dihasilkan tidak sia-sia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan memperuntukkan RM3.2 bilion untuk geran pembangunan R&D dan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), peruntukan sebanyak RM850 juta telah diluluskan untuk dibelanjakan untuk tujuan sama, katanya.

Kementerian akan melancarkan satu saluran televisyen pada tahun depan bagi mengetengahkan usaha-usaha kementerian itu dalam bidang inovasi dan sains.

Katanya, sesi ujian saluran yang berasaskan sains yang menyamai 'National Geographic Channel' ini akan dibuat pada November bagi mendapat maklum balas penonton.

